



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

KAMPUNG ANGKAT MADANI : SUMBANGAN KEPAKARAN TVET POLYCC DALAM MEMPERKASA KOMUNITI

TAIPING, 27 September 2025 - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) komited dalam menjayakan Projek Kampung Angkat MADANI (KAMBEST) di Kampung Batu 8, Bendang Siam. Sebuah inisiatif oleh Kerajaan MADANI menerusi Kementerian Kewangan (MOF) dan diselia oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) ini bertujuan merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar melalui penyediaan kemudahan asas, peningkatan infrastruktur, dan pemerkasaan komuniti setempat menerusi hasil sentuhan warga TVET di politeknik dan kolej komuniti (POLYCC). Majlis Perasmian Penyerahan Projek Kampung Angkat MADANI Bendang Siam (KAMBEST) telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi, hari ini.

Sebanyak 14 projek naik taraf dan pembinaan telah berjaya disiapkan sepanjang tahun 2025 pelaksanaannya di Masjid Al-Wusta, Sekolah Kebangsaan Changkat Ibol dan Kampung Bendang Siam dengan melibatkan seramai lebih 1,000 pensyarah dan pelajar daripada 25 buah institusi POLYCC seluruh negara. Konsep **on job training** dalam pelaksanaan projek ini diterjemahkan menerusi pemindahan ilmu dan teknologi praktikal oleh para pensyarah dan pelajar POLYCC mengikut kepakaran bidang masing-masing selaras dengan antara fokus utama pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi tahun ini iaitu Pemindahan dan Perkongsian Ilmu.

Terdapat empat projek utama yang telah dirancang iaitu menaiktaraf dan melestarikan landskap, pembinaan gazebo, pendawaian elektrik 1 fasa rumah kediaman dan asas membaiki rumah. Projek ini juga bertujuan untuk menaiktaraf dan menambah baik kemudahan rekreasi dan kediaman serta infrastruktur Kampung Angkat Madani. Selain itu, ianya turut memberi peluang latihan dan kemahiran asas kepada penduduk setempat serta pendedahan kepada para pelajar POLYCC.

Disamping itu, sebanyak 21 buah rumah penduduk daripada golongan B40 dan Orang Kurang Upaya (OKU) telah berjaya dibaiki. Kerja-kerja pembaikan yang dilaksanakan meliputi aspek penggantian *Electric Distribution Box (DB Box)*, wayar elektrik using dan pemasangan *solar outdoor light*. Bagi pembaikan rumah pula, antara kerja-kerja yang dilaksanakan meliputi pembaikan bumbung yang rosak dan bocor, penggantian lantai papan kayu, tiang kayu, cermin tingkap dan pintu yang telah usang.

Turut dilaksanakan adalah pemulihan serta rawatan Kolam Desa di Kampung Bendang Siam melalui projek CSR POLYCC. Kolam tersebut yang dahulunya terbiar kini berwajah baharu. Transformasi ini dimulakan dengan pemasangan sistem solar yang menggerakkan *submersible water pump* 48V DC untuk ekosistem air yang lebih baik. Dengan keluasan 960 meter padu dan kedalaman 0.8 meter dan sistem pam yang mampu mengeluarkan 3,000 liter air bersih sejam, kolam tersebut kini berfungsi bukan sahaja sebagai habitat ikan tetapi juga sebagai ruang rekreasi kepada masyarakat setempat dan pelancong.

Jabatan ini berharap agar segala projek dan inisiatif ini yang telah dilaksanakan dapat meningkatkan tahap kesejahteraan serta memperkasa komuniti setempat.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
27 September 2025**